

# Mempromosi damai: tanggungjawab bersama Islam, Kristian

**TAKHTA SUCI:** Sri Paus Fransiskus mengalu-alukan delegasi dari Masjid Bologna, Itali sambil menyatakan penghargaan terhadap persahabatan antara Kristian dan Islam serta menyeru agar semua agama dihormati, bebas dari paksaan menukar agama dan diskriminasi. "Dunia, pada masa ini, memerlukan penganut yang komited dan konsisten untuk membina dan mengekalkan keamanan sosial dan dunia."

Sri Paus Fransiskus berkata demikian semasa menyambut sekumpulan umat Islam dari sebuah Masjid di bandar Bologna, Itali pada pagi Jun 26, sambil mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana "menjadi pejuang keamanan."

Bapa Suci berkata kesaksian mereka tentang persaudaraan adalah amat berharga dan sangat diperlukan, yang harus dipromosi melalui dialog dan keterbukaan.

Dialog yang tulus dan penuh hormat antara orang Kristian dan Islam adalah kewajipan bagi kita bersama dalam

mematuhi kehendak Tuhan, ujar Sri Paus Fransiskus.

Bapa Suci menjelaskan, "Sesungguhnya kehendak seorang Bapa ialah agar anak-anak-Nya saling mengasihi, saling membantu dan jika timbul kesukaran atau salah faham di antara mereka, mereka hendaklah mencapai kesepakatan dengan kerendahan hati dan kesabaran."

Dialog seperti itu, tegas Sri Paus, juga memerlukan "pengiktirafan kukuh" terhadap martabat dan hak asasi setiap orang.

Sambil menggelarkan tetamu-tetamunya sebagai "sahabat yang dikasihi," Bapa Suci menyatakan harapannya bahawa semua penganut Islam, walau di mana sahaja mereka berada dan tinggal, dapat mengekalkan hubungan baik dengan Gereja Katolik, di semua peringkat, "mengamalkan semangat hormat menghormati, berdialog dan menjalin persahabatan sejati."

Pada akhir pertemuan itu, Sri Paus Fransiskus menyeru semua orang beriman untuk memupuk keamanan bersama-sama seraya menyakinkan semua orang bahawa beliau sentiasa berdoa untuk mereka dan meminta 'rakan-rakan terkasihnya' berdoa untuknya. — *media Vatikan*



Dialog yang tulus dan penuh hormat antara orang Kristian dan Islam adalah kewajipan bagi kita bersama — Sri Paus Fransiskus kepada para pemimpin Islam dari Masjid Bologna, Itali, Jun 26, 2024. Gambar: Media Vatikan.



## Sri Paus bertemu dan beri semangat kepada wanita, ibu dari Ukraine

VATIKAN: Dalam tindakan terbaharunya yang sangat prihatin terhadap penduduk yang menderita ketika peperangan melanda dunia, Sri Paus Fransiskus bertemu dengan para isteri dan ibu Ukraine selepas Audiensi Umum hari Rabu, Jun 26, di Dataran Sto Petrus.

Bapa Suci tidak pernah berhenti membuat rayuan untuk perdamaian di tengah-tengah perang yang sedang berlangsung di Ukraine dan bagi negara-negara berkonflik di seluruh dunia.

Selepas Audiensi, Bapa Suci juga mengatakan tentang Hari Raya Besar Sto

Petrus dan Paulus yang dirayakan setiap Jun 29.

"Sempena hari raya besar dua rasul besar Yesus dan juga pelindung Roma, marilah kita berdoa dan mempercayakan orang-orang yang menderita akibat peperangan: Ukraine, Palestin, Israel, dan Myanmar yang diseksa, supaya mereka segera mendapat keamanan."

Sri Paus Fransiskus juga menyeru semua umat beriman untuk meniru teladan dua orang kudus itu sebagai "murid misionari menyaksikan keindahan Injil di mana-mana." — *media Vatikan*

# Peluang memberi dan menerima

Apakah tanggungjawab yang telah diberikan kepada anda? Apakah keperluan dan kesakitan orang lain yang merupakan tanggungjawab tidak boleh diabaikan bagi anda?

Apakah keadaan yang boleh menggugat kebebasan anda? Apakah situasi anda harus hadapi atau tidak dapat melarikan diri dari situasi itu, yang memerlukan anda bertindak balas, mungkin juga boleh mengganggu kehidupan anda? Apakah perkara yang anda tidak dapat elakkan?

Ini adalah soalan penting, tidak mudah untuk dijawab. Ini adalah soalan-soalan penting dalam melihat panggilan atau kerjaya seseorang: apakah tugas istimewa yang diminta setiap daripada kita sebagai tanggungjawab dalam hidup kita?

Setiap daripada kita datang ke dunia ini dengan panggilan yang diberikan Tuhan.

Pada dasarnya, itu cukup mudah untuk difahami. Ringkasnya, kita semua diminta untuk mengasihi Tuhan dan saling mengasihi sesama. Perintah ini juga sama untuk semua orang.

Namun, di sebalik perintah itu, sebenarnya ia tidak sama bagi semua orang kerana kerana kita semua dilahirkan dan menghadapi keadaan yang berbeza dalam hidup.

Kita dilahirkan dalam keluarga yang berbeza, negara yang berbeza, masa yang berbeza dalam sejarah, budaya yang berbeza, situasi kemiskinan atau kemewahan yang berbeza, kepercayaan yang berbeza, jenis kecerdasan yang berbeza, kebolehan semula jadi yang berbeza,

dan tubuh fizikal yang berbeza yang sangat berbeza dari segi kesihatan, kekuatan dan daya tarik fizikal.

Ahli falsafah memanggil keadaan ini sebagai "kewujudan" anda. Dalam hal ini, secara khususnya, seperti kepingan salji, tiada dua orang yang pernah sama.

Dan keunikan itu akan mewarnai dan mungkin secara asasnya menentukan kerjaya anda dan membantu anda menjalankan tanggungjawab seperti yang diberikan kepada anda.

Inilah risikonya. Kita semua dilahirkan bebas, ya, tetapi banyak perkara yang mengerah dan menyekat kebebasan kita.

Izinkan saya menggunakan contoh peribadi. Saya dilahirkan sebagai anak kedua belas dalam keluarga yang besar. Ibu bapa saya, petani yang merupakan pendatang generasi pertama yang, selama bertahun-tahun berkahwin dan membesarkan anak, tidak dapat menyara keluarga kami sepenuhnya dengan penapatan dari ladang sahaja.

Kami memerlukan sedikit pendapatan tambahan. Selain itu, komuniti luar bandar pedalaman kami hanya mempunyai sebuah sekolah rendah dan mana-mana pendidikan selepas gred lapan, perlu meninggalkan rumah untuk ke sekolah berasrama penuh, sesuatu yang ibu bapa saya tidak mampu.

Disebabkan itu, lima orang adik saya terpaksa menamatkan pendidikan mereka selepas sekolah rendah, bukan kerana mereka mahu atau kerana mereka tidak mempunyai keinginan atau kecerdasan untuk pen-

didikan tinggi, sebaliknya kerana keperluan kewangan kami dan ketiadaan sekolah menengah tempatan, memerlukan mereka meninggalkan sekolah dan mengambil pekerjaan untuk membantu menyara keluarga.

Bagi mereka semua, terutama dua orang daripadanya, ini adalah pengorbanan yang sukar.

Segala-galanya dalam diri mereka sangat inginkan untuk lebih banyak kebebasan dan pilihan; tetapi, memandangkan keadaan mereka, inilah sahaja pilihan yang ada untuk mereka meneruskan hidup.

Dan pengorbanan itu, menyerahkan diri mereka untuk sesuatu yang melampaui diri mereka, sangat menentukan panggilan mereka dan peribadi mereka.

Sebahagian besar daripada mereka, mengorbankan banyak impian dan cita-cita mereka sendiri demi keluarga. Kerana mereka, saya berpeluang mendapatkan pendidikan yang diinginkan.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini, mereka tidak luar biasa. Pengorbanan mereka turut dialami oleh berjuta-juta lelaki dan wanita di seluruh dunia: pendatang yang perlu mengorbankan cita-cita mereka sendiri untuk bekerja di ladang atau mengambil pekerjaan bergaji rendah untuk menyara keluarga mereka; wanita muda dan lelaki dari negara membangun yang terpaksa meninggalkan keluarga mereka dan pergi ke luar negara untuk mencari wang bagi dihantar pulang kepada keluarga mereka; berjuta-juta orang muda yang tidak dapat menghadiri universiti kerana kos; banyak wanita



*Kelemahan boleh menjadi kekuatan dan kelebihan kita boleh menjadi peluang untuk kita memberi lebih banyak untuk orang lain.*

dan lelaki yang perlu mengorbankan sepanjang hidup mereka untuk menjaga ibu bapa yang sakit atau tua; dan berbilion wanita yang terpaksa mengorbankan kerjaya untuk membesarkan anak.

Inilah tanggungjawab yang digalas oleh mereka dan pengorbanan mereka membantu membentuk nadi panggilan mereka.

Di sebalik perkara-perkara yang boleh mengekang kebebasan kita dan secara radikal menentukan kerjaya kita, masih terdapat perkara lain yang mungkin dapat membuka kebebasan kita dan dengan itu membantu menentukan kerjaya kita.

Contohnya kita mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang teguh berbanding mereka yang rapuh secara fizikal atau mental; mempunyai badan atlet berbanding mengalami kecacatan fizikal; menjadi lelaki alfa atau ratu berbanding menjadi orang yang dibuli dan dijauhi; bersikap agresif secara perangai berbanding bersikap lemah lembut dan bertolak

ansur; atau menjadi orang yang datang dari keistimewaan berbanding menjadi orang yang datang dari latar belakang tanpa keistimewaan.

Setiap satu daripada ini bukan sahaja membantu menentukan kerjaya anda, tetapi juga membantu untuk melengkapkan anda secara khusus untuk kerjaya anda.

Jika anda berada di pihak yang rapuh dan terluka, kelemahan manusia yang kelihatan boleh memberi anda kuasa istimewa untuk menjadi penyembuh bagi orang lain.

Kerana kekecewaan dan keputusasaan, anda mempunyai kuasa istimewa untuk menjadi penyembuh yang cedera.

Sebaliknya, jika anda berada di sisi istimewa, keistimewaan itu juga menentukan panggilan anda dan hadiah istimewa anda, iaitu, kini anda adalah orang banyak menerima pemberian dan akibat daripadanya ialah banyak yang diharapkan daripadanya. — *Hakcipta terpelihara 1999-2024, Fr Ron Rolheiser*

## Menyedari kehadiran Nabi di kalangan kita

Yesus telah banyak mengajar dan mengadakan mukjizat di daerah Galilea, Nazaret.

Tetapi di Nazaret, tempat asal dan tempat tinggal-Nya, ramai yang kecewa dengan-Nya dan menolak Dia.

Ajaran dan perbuatan-Nya yang baik diragukan dan diremehkan! Masyarakat mempersoal dari mana hikmat atau kebijaksanaan-Nya? Mereka bertanya sesama sendiri, "Bukankah Dia itu seperti kita-kita juga? Bukankah Dia itu tukang kayu, anak si Maria?"

Masyarakat di Nazaret pada ketika itu yakin bahawa Tuhan tidak akan mengutus Nabi apalagi Almasih yang biasa-biasa, yang berasal dari daerah kampung seperti Nazaret.

Bagi mereka, Almasih harus datang secara luarbiasa, secara mengkagumkan seperti yang pernah diusulkan oleh syaitan (percubaan di padang gurun) untuk terjun dari Bait Tuhan dan para malaikat akan menyambut Dia.

Bagaimana mungkin Almasih atau Nabi datang dari keluarga Yosef tukang kayu dan Maria?

Hal ini juga terjadi di negara kita. Apabila seseorang ingin menjadi pemimpin politik, jika tidak terkenal pasti latarbelakangnya diragui.

Tetapi jika dia menang, berpeluang men-

jadi pemimpin parti apatah lagi menjadi menteri, pasti akan disambut meriah dan penuh hormat.

Menghadapi keadaan serupa itu, apakah pesan Injil hari ini kepada kita sebagai umat beriman?

Berdasarkan sikap penolakan ini, nampaknya kita sering menghendaki Tuhan bertindak menurut keinginan dan kemahuan kita, bukan menurut kehendak-Nya!

Bukan kita yang bersedia menerima dan melaksanakan rencana-Nya untuk menyelamatkan kita, sebaliknya kita menghendaki supaya Tuhan menyelamatkan kita menurut pemikiran dan kemahuan kita.

Padahal seperti diajarkan dan dilaksanakan oleh Yesus, Tuhan begitu mengasihi kita sehingga Yesus menjadi manusia seperti kita, dalam segala hal kecuali dalam hal dosa!

Kasih dan kerendahan hati Yesus itulah, yang harus dijadikan pegangan untuk menentukan sikap kita terhadap Tuhan dan terhadap manusia sesama kita!

Kesamaan martabat kita semua di hadapan Tuhan, itulah yang harus selalu menjadi dasar sikap hidup kita.

Apa dan siapa pun yang sungguh baik, harus kita nilai sebagai baik, meskipun penampilannya lahiriah "secara rasmi, protokol, menurut adat" dianggap tidak memenuhi cita-cita. Pandangan dan ukuran

serupa itulah yang dipakai orang-orang Nazaret terhadap Yesus!

Kalau ada seorang Pemimpin atau Pembesar siapapun datang, hendaklah kita terima dengan hormat.

Bila kita menyambut kedatangan Sri Paus, kita pasti akan menyambutnya sebaik mungkin meskipun mengeluarkan biaya yang besar.

Sebab Sri Paus adalah Wakil Kristus dan kita semua merindukan berkatnya. Sikap ini benar dan wajar.

Jika suatu hari nanti, ada orang biasa yang berkekurangan atau menderita datang kepada kita, bagaimana sikap kita untuk menyambutnya?

Adakah kita terus menolak, berasa ragu-ragu, menerima dengan berat hati? Tahukah anda bahawa di dalam diri orang berkekurangan itu, Kristus juga hadir?

Kristus hadir di kalangan orang biasa, bahkan rendah tingkat hidupnya! Kristus ada di dalam orang itu! Menolak orang-orang ini samalah kita menolak Kristus yang hadir di dalam dirinya itu.

Berkali-kali Yesus di Galilea mengajarkan nilai-nilai hidup manusia yang benar seperti dikehendaki Tuhan. Dia berulang kali mengadakan mukjizat untuk menolong orang.

Namun, ternyata orang-orang Nazaret sebagai orang-orang kampung Yesus, belum

### HARI MINGGU BIASA KE-14 TAHUN B

YEHEZKIEL 2:2-5  
2 KORINTUS 7-10  
INJIL MARKUS 6:1-6

dapat melihat dan memahami ajaran dan teladan Yesus itu.

Bagaimanakah sikap kita sebagai murid-murid Yesus dewasa ini, dua puluh abad kemudian?

Apakah kita, yang sudah dibaptis ini masih berjiwa dan bersikap seperti orang-orang Nazaret terhadap Kristus di zaman-Nya?

Apakah kita sedar atau tidak sedar, kita sering menolak kedatangan Kristus yang hadir dalam sesama kita, yang sebenarnya memerlukan pertolongan kita.

Untuk bertemu dengan Kristus, tidak semestinya kita berada 24 jam di Gereja, atau bertemu dengan paderi atau Uskup sahaja. Hal ini memang perlu tetapi untuk dapat bertemu dengan Kristus atau ingin didatangi oleh Kristus, kita juga dapat pergi kepada atau menerima sesama kita yang memerlukan pertolongan kita. — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, imankatolik*



## Uskup Cornelius berkati Gereja baharu di Lumat Laut, Beaufort

LUMAT LAUT, Beaufort: Penantian selama 12 tahun umat Kerahiman Ilahi, berakhir pada Jun 15 2024 apabila Uskup Cornelius Piong, telah memberkati Gereja tersebut.

Pemberkatan dilakukan semasa Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Prelatus itu dibantu oleh paderi paroki St Valentine, Beaufort, Fr Ronnie Alfred Luni.

Semasa menyampaikan homilinya, Uskup Cornelius berkata Kerajaan Tuhan bukan seperti kerajaan duniawi. Kerajaan Tuhan adalah kerajaan penuh cinta kasih dan Yesus Kristus diutus untuk membawa kerajaan Tuhan agar berkuasa dalam hati manusia dan di dunia.

Proses membangun dan menubuhkan kerajaan Tuhan di bumi memerlukan kita, sebagai anggota-anggota kerajaan Tuhan untuk melaksanakan dengan aktif, tanggungjawab pembaptisan kita.

Bapa Uskup Cornelius memberi panduan bagaimana kerajaan Tuhan itu bertumbuh.

Katanya, dengan meneguhkan kualiti iman iaitu menyambut sabda Tuhan dengan membaca dan menghayatinya setiap hari.

“Dahulu hanya sedikit umat datang ke Gereja. Setelah Misa selesai, umat pulang begitu sahaja.”

Namun, di Keuskupan Keningau, dengan slogan “Kekitaan adalah Kebahagiaan”, semangat hidup bersama dalam komuniti ditekankan dan

diperluas.

“Gereja kita bukanlah Gereja sendirian. Gereja kita adalah bersifat komuniti.”

Bapa Uskup juga menasihati para belia yang hendak berhijrah untuk menyambung pelajaran atau bekerja agar tidak segan memperlihatkan identiti Katolik kita.

### Sejarah singkat Gereja Kerahiman Ilahi

Sebelum adanya Gereja Kerahiman Ilahi, umat menghadiri Misa dan Ibadat Sabda di Kiulu Baru, Lumat dengan berjalan kaki.

Pada tahun 2012, Ibadat sabda diadakan di ruang kaki lima rumah Ah Kew kerana umat tidak sanggup lagi untuk berjalan kaki ke Kiulu Baru.

Selang beberapa bulan kemudian, Ibadat Sabda diadakan di rumah lama Jeme Ah Kew iaitu pengerusi Komuniti Umat Katolik (KUK) Kerahiman Ilahi I pada masa itu. Kemudian, anak-anak Golunu Likod (Anderias Golunu, Helen Golunu dan Juanis Golunu) bermurah hati mendermakan tanah demi pemantapan iman di kampung itu.

Penyerahan geran tanah kepada Uskup Cornelius Piong dilakukan pada Jun 13, 2015 di Gereja St Yohanes Kiulu Baru, Lumat, Beaufort.

Pada tahun ini, umat Katolik di kampung ini akhirnya dapat beribadat di Gereja yang berukuran 60 kaki panjang, 40 kaki lebar. —

**Edder J.Engan**

# MCC beri tema Hari Minggu Kateketikal 2025



KOTA KINABALU: Komisi Kateketikal Malaysia (MCC), sebuah badan penasihat kepada Konferensi para Uskup Katolik Malaysia telah mengadakan mesyuarat tahunan dari Jun 9-13, lalu.

Mesyuarat pada tahun ini telah dipengerusikan oleh Uskup Joseph Hii Teck Kwong dari Sibu, sebagai presiden MCC yang baharu dilantik dan Dr Steven Selvaraju dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur sebagai pengerusi komisi itu.

Antara agenda penting yang dibincangkan ialah:

### ● Hari Minggu Kateketikal

Perayaan Hari Minggu Kateketikal bermula dengan dokumen Gereja, *Provido Sane Consilio* (38) yang diterbitkan pada tahun 1935 dengan cadangan bahawa paroki memperuntukkan satu hari untuk ‘mengarahkan fikiran orang Kristian ke arah pendidikan agama’ supaya seluruh komuniti Gereja: uskup, paderi, agamawan dan semua umat awam diingatkan tentang tanggungjawab mereka untuk meneruskan iman.

Oleh sebab itu, perbincangan tertumpu kepada keberkesanan

sambutan perayaan dan bagaimana ia boleh dipertingkatkan pada masa hadapan bagi meningkatkan kesedaran umat tentang peranan dalam katekesis dan kepentingannya kepada misi Gereja.

Seterusnya para perwakilan memilih tema Hari Minggu Kateketikal tahun 2025 yang memfokuskan persiapan Konvensyen Pastoral Malaysia (MPC) pada 2026 yang menumpukan kepada ekologi dan realiti sosial:

Berdasarkan keadaan semasa para perwakilan memilih tema: ‘Kita boleh menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik’ kemudian ditambah dengan ayat Alkitab: “Jangan hanya memperhatikan kepentingannya sendiri, tetapi kepentingan orang lain juga.” (Flp 2:4).

### ● Projek-projek berkaitan katekesis.

MCC sebagai badan penasihat, mencadangkan projek untuk penambahbaikan komisi kateketikal di peringkat kebangsaan; projek-projek ini kemudiannya dilaksanakan oleh Pejabat Kateketikal Kebangsaan (NCO).

Pada mesyuarat tahun ini, NCO

melaporkan perkembangan dua projek utama yang sedang berjalan iaitu topik-topik tambahan untuk MCC dan panduan katekesis untuk ibu bapa.

Beberapa tahun lalu, MCC mencadangkan agar Siri Kateketikal Malaysia (SKM) ditambah kerana siri untuk Sakramen Krisma tidak mencukupi dalam SKM.

15 pembelajaran tambahan telah dicadangkan dan masih di peringkat semakan.

Pada akhir mesyuarat, Uskup Joseph Hii mengulangi kepentingan Komisi Kateketikal dalam misi Gereja dan menyatakan harapannya agar lebih banyak sumber dihasilkan untuk menyokong perjalanan iman semua yang dibaptis.

MCC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tuan rumah mesyuarat tahunan MCC tahun ini, Keuskupan Agung Kota Kinabalu dan kepada Uskup Agung John Wong atas sokongannya, serta para paderi di paroki Holy Rosari, yang menyambut kunjungan para perwakilan.

Mesyuarat MCC yang seterusnya ialah di Keuskupan Agung Kuching, Sarawak pada tahun 2025.

## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

E-Mel:  
liza@herald.com.my

## Keselamatan bayi yang belum dibaptis

**Soalan:** Jika seorang bayi atau anak kecil dari keluarga Katolik meninggal dunia sebelum dibaptis, apakah dia dapat memperoleh keselamatan?

**Jawaban:** Tentang nasib anak-anak kecil yang meninggal sebelum dibaptis dapat kita baca dalam Katekismus Gereja Katolik 1250 seperti berikut: *Anak-anak yang mati tanpa Pembaptisan, hanya dapat dipercayakan Gereja kepada belas kasihan Tuhan, seperti yang ia lakukan dalam ritus penguburan mereka. Belas kasihan Tuhan yang besar yang menghendaki, agar semua orang diselamatkan, cinta Yesus yang lemah lembut kepada anak-anak, yang mendorong-Nya untuk mengatakan: “Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku; jangan menghalang-halangi mereka” (Mrk. 10:14), membenarkan kita untuk berharap bahawa untuk anak-anak yang mati tanpa Pembaptisan ada satu jalan keselamatan.*

*Gereja meminta dengan sangat kepada orangtua, agar tidak menghalang-halangi anak-anak, untuk datang kepada Kristus melalui anugerah Pembaptisan kudus. (KGK 1250).*

Ada beberapa dasar iman dalam kenyataan ini. Pertama, Gereja percaya akan belas kasih Tuhan yang amat besar, yang menghendaki agar semua orang diselamatkan.

Belas kasih itu nampak dalam hidup Yesus; hati-Nya sangat gembira menyambut anak-anak dan Dia agak marah kalau ada yang menghalangi kedatangan mereka.

Dalam keyakinan akan belas kasih Tuhan dan kelembutan hati Yesus ini, Gereja yakin bahawa anak-anak ini, meskipun belum dibaptis, dikasihi Tuhan dan tidak luput dari kehendak keselamatan Tuhan.

Keselamatan juga diperuntukkan bagi mereka. Itulah keyakinan yang dipegang oleh Gereja, sehingga bagi bayi seperti ini tersedia ritual pemakaman yang khusus.

Kedua, memang ada persoalan sedikit, yang juga sering dibicarakan dalam teologi sejak pertengahan abad, terutama berkaitan dengan dosa asal yang melekat pada setiap orang, termasuk para bayi.

Mereka memang belum berdosa secara peribadi, tetapi mereka tidak terluput dari dosa asal, iaitu dosa yang terjadi bukan kerana kesalahannya sendiri, melainkan akibat dosa manusia pertama, Adam.

Dosa asal ini hanya dapat dihapuskan melalui pembaptisan, iaitu ketika kita dipersatukan dengan wafat dan kebangkitan Kristus. Dari keyakinan ini muncul pendapat bahawa untuk dapat selamat, pembaptisan menjadi syarat mutlak bagi semua.

### Jadi, bagaimana dengan bayi meninggal sebelum sempat dibaptis?

Di satu sisi, bayi-bayi ini masih murni kerana belum melakukan dosa. Di sisi lain, bayi-bayi ini masih terikat dosa asal.

Apakah dosa yang dimiliki, yang bukan kesalahan bayi itu menyebabkan bayi masuk ke neraka bersama pendosa lain?

Menjawab persoalan itu, ada pendapat bahawa bayi yang berdosa peribadi ini sudah tentu tidak akan masuk ke neraka, iaitu tempat yang kita fahami sebagai tempat hukuman abadi bagi orang terkutuk.

Namun, oleh sebab bayi yang belum menerima Kristus melalui pembaptisan, dia juga belum sepenuhnya dapat memandang kemuliaan abadi yang diperoleh orang kudus dalam syurga berkat persatuan mereka dengan Kristus.

Jadi menurut pandangan ini, bayi meninggal digambarkan berada di perbatasan antara syurga dan neraka. Tempat itu dikenal dengan nama *limbus infantum* atau *limbus puerorum* atau nama singkatnya, *limbo*.


*Limbo* ini bukan tempat hukuman, melainkan tempat khusus yang terbuka bagi belas kasih Tuhan, yang dapat dibandingkan dengan *sheol* dalam Perjanjian Lama, yaitu tempat yang diperuntukkan bagi para Bapa Kudus sebelum datangnya Kristus, yang kemudian akan dibebaskan berkat peristiwa keselamatan Kristus.

Meskipun ajaran tentang *limbo* ini popular tetapi ajaran ini tidaklah termasuk ajaran utama Gereja dan masih terbuka pada refleksi lebih lanjut.

Gereja juga yakin akan harapannya bahawa bayi yang meninggal tanpa pembaptisan dapat diselamatkan dan dibawa ke dalam kebahagiaan abadi. Itulah berkat belas kasih dan kelembutan hati Tuhan yang luas. — **Fr Gregorius Hertanto, MSC, hidupkatolik.com**

# Sahabat kecil Yesus


## Sabda Bahagia



(Mat 5: 3-6)

Tulis semula Sabda Bahagia pada gambar ini dengan mengikut anak panah yang betul.

Bulatkan Kitab-kitab Nabi dalam Perjanjian Lama. Pangkah mana yang tidak berkenaan.




- |          |          |         |
|----------|----------|---------|
| YESAYA   | BENJAMIN | YEREMIA |
| BARNABAS | HOSEA    | SATIN   |
| YOEL     | ZEFANYA  | NAHUM   |
|          |          | DANIEL  |

JAWAPAN: YESAYA, YEREMIA, HOSEA, AMOS, YOEL, ZEFANYA, NAHUM, DANIEL


Lima gambar Yesus di bawah hampir serupa. Dapatkan adik-adik mencari gambar yang benar-benar serupa.



Gambar A dan D



Sambungkan titik-titik pada gambar ini dan warnakan.



Pujilah TUHAN!  
 Aku akan memuji TUHAN  
 dengan sepenuh hatiku  
 (MAZMUR 111:1)

Hello adik-adik,

Apa khabar? Dalam Injil hari Minggu ini kita mendengar bagaimana Yesus ditolak, bahkan oleh orang-orang dari kampung halamannya sendiri.

Mereka menginginkan Mesias yang macam lain! Mereka tidak dapat menerima Mesias yang berasal dari keluarga miskin untuk mengajar tentang cinta kasih, perdamaian, kerendahan hati dan kesabaran.

Mereka menginginkan Mesias yang memangku jabatan raja, yang akan membebaskan dan mensejahterakan hidup mereka. Mesias yang akan melindungi mereka dengan senjata canggih.



Adik-adik, mungkin kita berasa kurang senang dengan sikap orang-orang sekampung Yesus. Tetapi tanpa sedar, orang-orang sekarang juga masih menolak Yesus.

Yesus selalu muncul di kalangan orang miskin, yang sakit, para migran dan pelarian, mangsa peperangan dan sebagainya.

Sampai sekarang ini Yesus sebenarnya terus mahu mengunjungi kita dengan cara yang sangat sederhana iaitu melalui saudara-saudaranya yang paling kecil.

Adik-adik, marilah kita sering merendahkan diri dan memohon bantuan Roh Kudus untuk mengenal Yesus di dalam diri dan karunya orang lain.

Antie Melly

# BELIA MILENIUM

## Belia Katolik Sabah siap bergegas ke SYD-6



**KENINGAU:** "Salib Belia yang kita lihat berdampingan dengan Ikon Bonda Maria membawa maksud bahawa Tuhan Yesus merealisasikan apa yang dinyatakan-Nya sendiri kepada para murid dan juga kita semua pada hari ini iaitu "Aku akan bersama-sama dengan kamu sepanjang zaman."

Demikian kata Msgr Gilbert Lasius yang memimpin Misa Kudus sempena menyambut Salib Belia dan Ikon Bonda Maria baru-baru ini.

Katanya, "Salib Belia ini merupakan identiti kita kerana Tuhan Yesus sendiri telah menyatakan kepada para rasul dan kita semua, "Pergilah kamu dan baptislah

mereka dalam nama Bapa dan Putera dan Roh Kudus."

Pada Jun 15 lalu, setelah berada hampir 90 hari di Keuskupan Sandakan, Salib Belia dan Ikon Bonda Maria akhirnya tiba di lokasi Sabah Youth Day-6 iaitu Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Penerimaan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria diiringi dengan tarian tradisi umat Keuskupan Keningau yang berbilang kaum, iaitu tarian Sumayau Dusun Tatana dari Kuala Penyu, tarian Murut Bookan dari Tulid Sook, tarian Murut dari Kemabong dan tarian Gana dari Bingkor, Keningau.

Perarakan Salib Belia pada tahun ini sedikit berbeza dari tahun-tahun sebelumnya di mana Salib Belia dan Ikon Bonda Maria diarak dari paroki ke paroki namun pada tahun ini, Salib Belia dan Ikon

Bonda Maria hanya berarak dari katedral ke katedral sahaja.

Keuskupan Sandakan yang diwakili oleh Sr Noemi Mejia FSIC, Koordinator Belia Keuskupan Sandakan, secara rasmi menyerahkan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria kepada Keuskupan Keningau yang diwakili oleh Sdra Roney Eming, Koordinator Belia Keuskupan Keningau sambil disaksikan oleh Fr Dafriinn Diwol, Penasihat Rohani Belia Keuskupan Sandakan, para religius, belia dan umat di seluruh dari pelbagai paroki di Keuskupan Keningau.

Perarakan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria ke hadapan altar diteruskan dengan iringan tarian Rebana dari Toboh Laut, Keningau. Tepat jam 6.00 petang, perayaan Ekaristi dimulakan dan dipimpin oleh Vikaris General Keuskupan Keningau iaitu Msgr Gilbert Lasius.

Dalam homilinya, Msgr Gilbert mengatakan kehadiran Salib Belia dan Ikon Bonda Maria ini merupakan tanda penyertaan Tuhan Yesus dan doa Bonda

Maria kepada kita yang tidak ada akhirnya.

Oleh itu, Msgr Gilbert mengajak kaum muda, selagi ada kesempatan dalam hidup ini, pergunakanlah kesempatan, berkat, tenaga dan bakat itu untuk menjadi saksi Kristus.

Selepas Misa Kudus, sesi diteruskan di Dewan MPP dengan aktiviti makan malam, menyanyikan lagu-lagu pujian dan dua orang wakil belia dari Keuskupan Sandakan, menyampaikan perkongsian mereka tentang pengalaman mereka sepanjang bersama Salib Belia dan Ikon Bonda Maria.

Pelbagai program dan aktiviti rohani diadakan sepanjang Salib Belia dan Ikon Bonda Maria berada di Katedral St Francis Xavier. Antaranya "Monolog Bersama Yesus", "Follow the Light", C.R.O.S.S, virtual run SYD-6.

Katedral St Francis Xavier merupakan lokasi Sabah Youth Day kali keenam yang bakal berlangsung pada September 16-20 ini dengan tema "Maria Bangkit dan Bergegas pergi" (Lukas 1:39).

ROMA: Sentiasa berpegang teguh pada iman anda ... dan walaupun anda tergoda untuk hidup dengan iman yang suam-suam kuku kerana pandangan negatif orang lain, jangan lemah sebaliknya berpegang teguh pada identiti anda dan kekal teguh seperti para martir Kristian perdana yang dianiaya.

Pesan itu disampaikan oleh Sri Paus Fransiskus dalam sesi dialog bersama mahasiswa universiti dari Asia.

Sesi dialog "Membina Jambatan Merentas Asia Pasifik", merupakan anjuran Universiti Loyola Chicago dan Komisi Kepausan untuk Amerika Latin, diadakan pada Jun 20 lalu.

Dalam dialog secara dalam talian itu, Sri Paus turut menyentuh tentang kesihatan mental, diskriminasi, stigma dan identiti serta menyeru semua mahasiswa untuk terus menjadi saksi Kristus.

"Fokus untuk mempuyai iden-



titi sendiri," katanya sambil menggalakkan semua yang hadir secara maya itu untuk sentiasa bekerjasama antara satu sama lain dan kekal

bersatu.

Bapa Suci mengecam semua bentuk stigma yang merendahkan maruah manusia.

Prelatus itu sedih kerana wanita kadangkala dianggap sebagai warga kelas kedua.

"Kehebatan wanita tidak boleh

dilupakan. Wanita lebih baik daripada lelaki dari segi wawasan dan keupayaan mereka membina masyarakat," katanya yang memuji kualiti dan kecekapan istimewa golongan wanita.

Bapa Suci juga mengakui kaum muda Katolik sering diejek atau dicabar kerana iman mereka.

"Sentiasa yakin dengan keyakinan dan iman anda sendiri," nasihatnya, sambil memberi peringatan agar mahasiswa Katolik tidak mengasingkan diri daripada komuniti kerana hal ini.

"Penganut Kristian telah dianiaya sejak awal lagi. Walaupun ada percubaan agar kita menjadi penganut Kristian yang acuh tak acuh, kita tidak boleh menyerah kalah. Sebaliknya kita mesti teguh, sentiasa berdoa dan bertahan. Dan perkara ini sukar jika diharungi seorang diri. Oleh sebab itu, anda harus sentiasa berhubung dan bersahabat dengan orang lain!" — **media Vatikan**



# Sri Paus seru negara-negara berkonflik pilih keamanan

rundingan.

Selepas doa Angelus pada Jun 23, Bapa Suci menyeru semua orang untuk “terus berdoa bagi keamanan,” di negara-negara yang dilanda konflik.

Fransiskus berdoa agar Roh Kudus akan “menginspirasi kebijaksanaan dan rasa tanggungjawab,” di kalangan penguasa negara yang berperang, “mengelakkan mereka melakukan sebarang tindakan atau kata-kata yang boleh mencetuskan konfrontasi, sebaliknya berusaha dengan gigih untuk menyelesaikan konflik secara damai.”

Santi Papa secara khusus menyebut

“Ukraine yang terseksa dan sangat menderitanya.”

Konflik Rusia-Ukraine yang bermula pada 2014 meningkat menjadi perang besar-besaran setelah pencerobohan Rusia ke atas Ukraine pada Februari 24, 2022, dan kini telah mencapai 850 hari pada Jun 24 lalu.

Melihat bendera kebangsaan yang dikibarkan oleh salah seorang penziarah dari Israel, Sri Paus Fransiskus mengatakan, “Ini adalah panggilan untuk keamanan! Marilah kita berdoa untuk keamanan!” kata Sri Paus sambil menambah Palestine, Gaza, dan Republik Congo dalam senarai negara berkonflik yang

perlu didoakan.

Konflik Israel-Gaza meningkat kepada perang besar-besaran pada Oktober 7 tahun lalu, apabila militan Hamas menyerbu Israel dan membunuh kira-kira 1,194 orang, kebanyakannya orang awam.

Kumpulan militan itu mengambil 251 tebusan, 116 daripadanya kekal di Gaza, termasuk 41 yang dikatakan tentera, telah mati. Serangan tentera Israel di Gaza sejak itu telah membunuh sekurang-kurangnya 37,598 orang, juga kebanyakan orang awam, demikian laporan Kementerian Kesihatan wilayah kendalian Hamas. — *media Vatikan*

## Penurunan panggilan, Korea tingkatkan formasi calon paderi

INCHEON, Korea Selatan: Gereja Katolik Korea perlu melaksanakan garis panduan yang disemak untuk pembentukan imam yang berkesan di semua seminari termasuk mewujudkan sistem penjagaan emosi dan model penilaian psikologi di tengah-tengah penurunan panggilan paderi, kata seorang pemimpin Gereja dan ahli teologi.

Kebimbangan itu dibangkitkan semasa simposium kebangsaan yang dianjurkan oleh Konferensi para Uskup Katolik Korea (CBCK) dan *Catholic Theological Society of Korea*.

Simposium di Kolej Teologi Universiti Katolik Incheon pada Jun 24-25 itu telah mendorong para uskup, paderi, ahli akademik dan ahli teologi untuk melihat semula program pembentukan seminari di pelbagai keuskupan Korea Selatan.

“Kesukaran yang paling serius dalam pembentukan paderi adalah watak dan dimensi rohani yang pada masa ini menjadi permintaan popular oleh seminari dan latihan calon paderi,” kata Fr Exechiel Ki Jyong-man, seorang profesor di Universiti Katolik Suwon, semasa

simposium itu.

“Oleh sebab itu, penting untuk menetapkan proses awal untuk memahami identiti dan misi seorang paderi, serta persiapan, pertumbuhan peribadi dan spiritual para calon,” tambahnya.

“Untuk implementasi [pedoman], badan konsultatif pan-keuskupan dan pan-seminari mutlak diperlukan,” katanya.

Pedoman ini adalah yang pertama yang dikembangkan oleh Gereja Korea berdasarkan masukan dari para klerus dan ahli-ahli teologi dari universiti-universiti Katolik di Korea Selatan.

Fr Paul Jeon Yeong-joon, rektor Sekolah Tinggi Teologi di Universiti Katolik Korea Selatan, menekankan sejarah dan pentingnya pedoman nasional untuk mendidik para paderi Katolik.

Sementara itu, seorang paderi dari Unoversiti Katolik Incheon, Fr Joseph Yu Sung-mo, menyatakan pentingnya memasukkan segmen kesihatan mental semasa pembentukan calon paderi di seminari bagi menghasilkan paderi yang matang secara kualitatif. — *ucanews.com*



## Caritas Indonesia sambut ulang tahun ke-18

JAKARTA: Caritas Indonesia, yang dikenali sebagai Karina KWI, mengesahkan kembali dedikasinya untuk memupuk “Gereja Orang Miskin” semasa perayaan ulang tahunnya yang ke-18.

Acara itu dimulakan dengan Misa Kudus yang dihadiri oleh uskup-uskup Indonesia, bakal penderma dan wakil daripada kumpulan yang pernah mendapat bantuan dari agensi itu.

Dikenali sebagai badan penyedia pakej bantuan kecemasan, Caritas Indonesia sangat penting dalam menyalurkan dana daripada penderma tempatan dan antarabangsa kepada mereka yang memerlukan melalui pelbagai program.

Uskup Anton B. Subianto OSC, dari Bandung, semasa berucap pada hari perayaan menyatakan, “Hari ini, bersama beberapa uskup, kami berterima kasih kepada Tuhan untuk Karina KWI, agensi kemanusiaan yang mewujudkan semangat belas

kasihan Gereja Katolik di Indonesia dan di luar negara,” katanya.

Uskup Subianto memuji motivasi unik penderma Katolik bahawa sumbangan mereka “didorong oleh kepercayaan dan nilai Kristian, yang kami percaya memperkaya kehidupan masa depan kami dengan kebaikan.”

Prelatus itu juga menegaskan bahawa usaha kemanusiaan Karina KWI telah melangkaui Indonesia misalnya menghantar bantuan ke Turki dan Bagladesh baru-baru ini setelah bencana gempa bumi di kedua-dua negara itu.

Fr Freddy Taruk, pengarah eksekutif Caritas Indonesia, menjelaskan bahawa agensi itu adalah sebahagian daripada *Caritas Internationalis*, yang beroperasi di 162 negara. “Sebagai sebuah badan Gereja, kami komited untuk menangani keperluan kemanusiaan di peringkat global,” katanya. — *media Vatikan*




VATIKAN: Kesan perubahan iklim terhadap populasi yang terdedah di negara-negara Pulau Pasifik adalah perbincangan utama “*Oceania Speaks*” (OS)

OS merupakan persidangan yang diadakan di Roma baru-baru ini, dihadiri oleh para diplomat Takhta Suci, komuniti agama dan pertubuhan kebajikan.

Dianjurkan oleh Kedutaan Australia di Takhta Suci, acara pada Jun 23 itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kesan perubahan iklim di Asia Pasifik, yang telah menjejaskan negara Tuvalu, Fiji, Samoa, Tonga dan New Zealand.

Uskup Agung Peter Loy Chong dari Suva, Fiji, dalam pesan videonya menegaskan “dunia masih belum benar-benar mendengar dengan mendalam suara-suara, terutamanya ‘tagi’ [tangisan] orang Oceania,” yang terdedah kepada kesan perubahan iklim.



## Oceania bersuara bahaya perubahan iklim terhadap pulau-pulau Pasifik

“Kita perlu mendidik, memperkasakan, dan membenarkan suara serantau orang Pasifik didengari dan tidak dikuasai serta dibingkai oleh ahli politik dan pembiaya yang mendominasi naratif iklim ini,”

katanya.

Semasa sidang OS, Setiausaha Vatikan untuk Hubungan dengan Negara dan Organisasi Antarabangsa, Uskup Agung Paul Gallagher menyuarakan kebimbangan

Sri Paus Fransiskus terhadap orang yang menghadapi kelaparan, eksploitasi dan kemiskinan akibat perubahan iklim dan menekankan “keperluan mendesak untuk tindak balas global yang bersatu” terhadap krisis.

Menurut laporan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kira-kira 75% penduduk negara kepulauan Pasifik terjejas oleh bencana alam.

Laporan itu juga menyatakan bahawa kesan perubahan iklim di rantau itu “sebahagian besarnya terabai” dan menimbulkan ancaman serius, terutamanya kepada golongan muda dan generasi akan datang yang menghadapi potensi kehilangan tanah air mereka, identiti budaya, dan peluang pekerjaan akibat peningkatan paras laut.

Laporan itu menganggarkan bahawa paras laut akan meningkat antara kira-kira 10 hingga 23 inci menjelang 2050. — *CNA*

AUDIENSI UMUM HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

# Pengedar dadah adalah penyeludup haram, pembunuh

VATIKAN: “Setelah mengetahui begitu banyak kisah tragis penagih dadah dan keluarga mereka, saya yakin adalah menjadi kewajipan moral kita untuk menamatkan pengeluaran dan pengedaran bahan berbahaya ini.”

Sri Paus Fransiskus menegaskan perkara ini semasa Audiensi Umum minggunya di Vatikan pada pagi Rabu, Jun 26 yang jatuh pada Hari Antarabangsa Anti-Dadah dan Anti-Pemerdagangan Haram, yang ditubuhkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1987.

Tema tahun ini ialah ‘Buktinya jelas: Berjuang untuk mencegah.’

Bapa Suci menegaskan bahawa penggunaan dadah memiskinkan masyarakat. Kalaupun, meskipun penggunaan dadah mendatangkan kemudaratan yang teruk kepada setiap peringkat masyarakat namun setiap penagih mempunyai kisah yang unik dan mempunyai maruah sebagai anak Tuhan.

Bapa Suci berkata kita harus berjaga-jaga akan niat dan tindakan jahat pengedar dan penyeludup dadah,

Selain itu perlu diperhatikan bahawa “pengurangan ketagihan dadah bukanlah melalui cara meliberalisasikan penggunaan dadah, seperti yang telah dicadangkan atau telah dilaksanakan di beberapa negara.”

“Berdepan dengan situasi tragis ketagihan dadah berjuta-juta orang di seluruh dunia, berhadapan dengan skandal pengeluaran dan pengedaran dadah haram sedemikian, kita tidak boleh bersikap acuh tak acuh,” ujar Sri Paus.

Prelatus itu menyeru untuk tindakan yang meniru teladan kasih Yesus.



Sri Paus dikerumuni penziarah dan religius selepas audiensi mingguan di Vatikan.

“Yesus selalu mendekati mereka yang memerlukan dan sakit. Kita juga dipanggil untuk bertindak, untuk berhenti di hadapan situasi kerapuhan dan kesakitan, untuk mengetahui, mendengar jeritan kesepian dan kesedihan, untuk membongkok lalu mengangkat dan membawa kembali mereka yang jatuh ke dalam perhambaan dadah.”

“Berapa ramai penyeludup haram telah didorong oleh logik kuasa dan wang. Malapetaka ini, menghasilkan keganasan menyemai penderitaan dan kematian, menuntut tindakan berani daripada masyarakat secara keseluruhan.”

Bapa Suci menyeru untuk memerangi penyalahgunaan dan pengedaran dadah

“melalui pencegahan,” yang, tegasnya, dapat “dilakukan dengan mempromosikan keadilan yang lebih besar, mendidik orang muda dengan nilai yang membina kehidupan peribadi dan komuniti, menemani mereka yang memerlukan dan memberi harapan untuk masa depan.”

Sri Paus Fransiskus mengenang kembali kunjungannya ke sebuah komuniti pemulihan yang ditubuhkan berdasarkan inspirasi Injil.

Fransiskus juga gembira dengan usaha yang dijalankan oleh pelbagai konferensi Uskup yang menggalakkan perundangan dan dasar lebih adil tentang rawatan ketagihan serta kempen pencegahan untuk menghentikan bencana ini. — *media Vatikan*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

## Sentuhan manusia

Sentuhan adalah deria kita yang paling asas, paling primitif dan paling merangkumi.

Semasa bayi, kita dilindungi dalam rahim ibu kita; kita memeluk dadanya dan berpaut padanya untuk keselamatan.

Semasa kanak-kanak, kita digendong dan dibelai, disusui dan disuap — pengalaman zaman kecil yang menggembirakan dan membentuk psikologi mendalam yang menyokong sikap asas kepercayaan dan keyakinan diri.

Kita membesar menjadi remaja yang mudah menangis dan perlahan-lahan menjadi dewasa yang canggung dengan kemampuan tubuh kita melalui pergerakan, sensasi, dan sentuhan.

Kita menyentuh orang lain dan seterusnya menentukan had atau batasan, siapa yang boleh dan tidak boleh disentuh.

Kemudian, masukan budaya menjadikan kita terlalu berhati-hati tentang siapa yang perlu disentuh atau siapa yang menyentuh kita.

Ada negara yang mempunyai ‘budaya malang’ misalnya meletakkan ‘kasta’ atau kelas terhadap individu sebagai orang sebagai najis, dan “tidak boleh disentuh”.

Kemudian, kita pasti dapat membezakan sentuhan. Misalnya sentuhan lelaki biasanya kasar, cepat, kuat manakala sentuhan wanita biasanya dikaitkan dengan kelembutan, teragak-agak, sedar diri, melindungi, sopan dan bersih.

Sesungguhnya, gerakan sentuhan mendatangkan pelbagai pengalaman! Sentuhan ketepatan, seperti pada komputer, spring jam tangan, pisau bedah dan fesyen.

Sentuhan ganas, seperti dalam dentuman jentera dan bunyi gear, getaran kapak, peluru. Sentuhan, ciuman dan belaian yang suka bermain, cubitan dan picitan, pelukan dan urutan yang membawa kita keseronokan fizikal.

Begitu banyak sentuhan manusia yang mempunyai maksud, begitu juga dengan cara manusia mengetahui.

Namun, pada masa kini, penekanan tertumpu kepada visual pada masa kini — sama ada melalui halaman bercetak, skrin komputer atau set TV.

Namun, hanya dengan melihat bermakna kita hanya mengimbas permukaan. Pandangan kita terhadap wajah seseorang tidak memberitahu kita tentang apa yang ada dalam fikiran anda melainkan orang itu bercakap dengan kita atau mengizinkan kita menyentuhnya.

Orang kuno Yunani mengatakan pengetahuan lahir dari melihat tetapi bagi orang Ibrani, pengetahuan lahir dari mendengar. Bila digabungkan, pengetahuan bukan sahaja dari melihat dan mendengar, lebih tepat lagi, menyentuh, merasa, menghidu — ia melibatkan semua deria rasa kita.

Dunia Perjanjian Baru adalah seperti itu. Ia menolak, menggenggam, menendang persekitaran (seperti kebanyakan Dunia Ketiga hari ini) di mana roti dipecahkan dan dikongsi oleh murid-murid dengan tangan yang tidak dicuci, di mana wain disedut dari cawan biasa, tempat orang ramai mengepung Yesus dan menarik hujung jubah-Nya, di mana Yesus memberkati penderita kusta, membelai kanak-kanak, meludah pada mata orang buta dan mengusuk jarinya ke telinga orang pekak ...

Ini adalah dunia deria, dunia perasaan dan sentuhan, dikenali dan dinikmati oleh nenek moyang kita, tetapi sebahagian besarnya sudah hilang pada hari ini.

Menyentuh mungkin mengganggu dan agresif, atau menghiburkan dan menyembuhkan, tetapi ia memberikan rasa keselamatan dan kasih sayang di dalam dunia yang semakin bergantung pada visual yang hanya dapat memandang permukaan namun tidak dapat melangkaui ke dalam hati seseorang.

Mungkin, tiba masanya kita menyentuh bahu, merangkul seseorang dan berkata “*stay in touch*”. — *Fr Myron J. Pereira SJ, ucanews.com*

## Sembilan manfaat membuat tanda salib


**1. Berdoa:** Ketika kita memulai dan mengakhiri doa-doa kita dengan tanda salib, kita tidak menyadari bahawa tanda salib itu adalah doa itu sendiri. Tanda salib adalah doa yang penuh kuasa yang melibatkan Roh Kudus sebagai pendukung dan utusan Ilahi bagi keberhasilan kehidupan Kristian kita, maka tanda salib bukan gerakan sia-sia.

**2. Membuka diri kita terhadap rahmat:** Tanda salib mempersiapkan kita untuk menerima berkat Tuhan dan menempatkan diri kita untuk bekerja sama dengan kasih karunia-Nya.

**3. Menguduskan hari kita:** Tanda Salib itu menguduskan hari kita. Walau apa pun aktiviti kita, dengan menanda salib, kita memberkati semua kebiasaan hidup kita sehari-hari dengan tanda salib.

**4. Komitmen kepada Kristus:** Dengan menggerakkan tangan kita dari dahi ke hati kita dan kemudian ke kedua-dua bahu kita, kita memohon berkat Tuhan untuk fikiran kita, semangat dan keinginan kita, seluruh tubuh kita.

**5. Mengingat kembali Misteri Inkarnasi:** Gerakan tangan kita yang turun dari dahi menuju dada menandakan “Kristus turun dari syurga ke bumi.” Menyatukan kedua jari — ibu jari dengan jari manis atau jari telunjuk, melambangkan dua kudrat Kristus.



**6. Mengingat kembali Kisah Sengsara Tuhan:** Pada dasarnya, dengan menandai diri kita dengan tanda salib, kita mengingat kembali penyaliban Kristus.

**7. Menegaskan Tritunggal:** Dengan menyebut nama Bapa, Putera dan Roh Kudus, kita menegaskan iman kita akan Tuhan Tritunggal.

**6. Memusatkan doa-doa kita kepada Tuhan:** Salah satu godaan ketika berdoa adalah gangguan daripada Iblis. Tanda salib segera memusatkan perhatian kita akan Tuhan yang sejati.

**7. Menegaskan prosesi Sang Putera dan Roh Kudus:** Ketika kita mulai mengangkat tangan kita ke dahi kita, kita mengingat bahawa Bapa adalah peribadi pertama dalam Tritunggal. Dengan menurunkan tangan kita, kita “menyatakan bahawa Sang Putera berasal dari Bapa.” Dan ketika menutup dengan menyebut Roh Kudus, kita menandakan bahawa Roh Kudus berasal dari Bapa dan Putera.

**8. Menyatakan iman kita:** Tanda salib adalah seperti pengakuan iman kecil dalam perkataan dan tindakan, menyatakan inti kebenaran syahadat iman kita.

**9. Memohon kuasa nama Tuhan:** Dalam Kitab Suci, nama Tuhan membawa kuasa. Yohanes 14:13-14, Yesus sendiri berkata, “dan apa juga yang kamu minta dalam nama-Ku, Aku akan melakukannya, supaya Bapa dipermuliakan di dalam Anak. Jika kamu meminta sesuatu kepada-Ku dalam nama-Ku, Aku akan melakukannya.”

**10. Mematahkan kutukan:** Tanda salib mengingatkan kita akan pengampunan dosa dan kebalikan dari Kejatuhan Manusia, menurut Santo Francis de Sales gerakan “ke sebelah kiri berarti kutuk, gerakan menuju kanan berarti berkat.” Gerakan dari kiri ke kanan juga menandakan perjalanan kita yang sengsara menuju ke kemuliaan Kristus, tulis Sri Paus Innocentius III. — *Aleteia*

UNTUK PELAYANAN PASTORAL ORANG SAKIT: Marilah kita berdoa agar Sakramen Pengurapan Orang Sakit memberikan kekuatan Tuhan kepada mereka yang menerimanya dan kepada orang yang mereka sayangi, dan supaya ia menjadi tanda yang lebih jelas bagi setiap orang terhadap belas kasihan dan harapan.



## Komisi Episkopal Liturgi berhimpun di Miri

MIRI: Keuskupan Miri menjadi tuan rumah mesyuarat Komisi Episkopal Liturgi Serantau (ERLC) dari Jun 10-13.

Fr Vincent Chin, setiausaha eksekutif, mempengerusikan mesyuarat itu bagi pihak presiden ERLC baharu, Kardinal William Goh, yang tidak dapat hadir atas perkara yang tidak dapat dielakkan di Keuskupan Agung Singapura.

Selain membentangkan laporan dari keuskupan masing-masing, para perwakilan membincangkan pelbagai isu liturgi, antaranya:

### Ritus Inisiasi Kristian Dewasa (IKD/RCIA)

Upacara IKD yang dijalankan di seluruh rantau ini adalah dalam pelbagai bahasa. Ditekankan bahawa upacara ini di bawah bidang kuasa Komisi Liturgi, bukan Komisi Kateketikal.

ERLC akan mengkaji bagaimana upacara RCIA diamalkan (dalam empat bahasa utama) kemudian menghantar cadangan itu kepada Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura, Brunei (CB-CMSB).

### Terjemahan

Para perwakilan menekankan keperluan untuk kepakaran linguistik dan liturgi apabila menterjemah lagu atau teks.

ERLC mencadangkan untuk menubuhkan panel penterjemah, yang terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran sedemikian untuk menterjemah teks dan lagu-lagu liturgi ke bahasa utama di rantau ini.

### Ordo

HERALD diberi mandat oleh CBCMSB untuk menerbitkan Ordo untuk perayaan Misa dan Liturgi bagi rantau ini sejak 20 tahun lalu.

Sejak dua tahun lalu, HERALD telah bekerjasama dengan Fr Leonard Lexson dan David Chan.

Sukarelawan dari ERLC juga telah menawarkan diri untuk membantu dalam hal ini (Fr Vincent Chin dan Eileen Ng).

### Pelanggaran Hak Cipta

Perwakilan dimaklumkan untuk berhati-hati dalam menggunakan muzik berhak cipta dan imej dalam tayangan filem anjuran paroki atau

keuskupan kerana ini akan dikongsi dalam mesia sosial dan mungkin bertanggungjawab untuk pelanggaran hak cipta.

### SYPG dan Lampiran

Lagu lama *Sing Your Praise to God* (SYPG) telah ditamatkan dan CBC-MSB tidak lagi bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran lesen hak cipta daripada lagu itu.

Bagi paroki yang menggunakan *projection*, hanya lagu domain awam dalam SYPG boleh ditayangkan dan harus mempamerkan logo hak cipta terpelihara.

Tahun ini, Fr Leonard Lexson menyampaikan sesi tentang kebebasan antara Muzik Suci dan Muzik Rohani. Beliau juga menekankan kepentingan nyanyian Gregorian dalam evolusi muzik liturgi Romawi sejak 1903.

Para perwakilan turut dijemput untuk menyertai majlis penutup Gawai di Gereja St Dominic dan pada sebelah petang, melawat rumah panjauh moden. Mesyuarat tahunan tahun hadapan akan diadakan di Keuskupan Melaka Johor dari Mei 12-15, 2025.

## Tiga komisi di Keuskupan Sandakan anjur webinar Gaya Hidup Sisa Sifar

SANDAKAN: Buat julung kalinya, tiga komisi di Keuskupan Sandakan iaitu Komisi Keadilan Ciptaan Tuhan, Komisi Migran dan Perantau serta Caritas Diosis Sandakan, menganjurkan webinar bertajuk 'Gaya Hidup Sisa Sifar' pada Jun 20.

Webinar ini bertujuan untuk menyedarkan umat akan tanggungjawab mereka sebagai 'penjaga bumi' (Kej 1:26-31) serta mengajak mereka untuk mempraktikkan gaya hidup sisa sifar.

Seramai 160 umat menyertai webinar yang menjemput Puan Ruth Yap, Pengasas Zero Waste Sabah dan Sr Calista Soliun FSIC, Penyelaras Komisi Keadilan Ciptaan Tuhan Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Ruth menjelaskan tentang realiti dan situasi di bumi dan di Sabah tentang permasalahan sampah sarap yang sangat membimbangkan.

Selain usaha kerajaan dan swasta dalam menangani isu sampah tidak



terkawal ini, Ruth menyeru para peserta membantu mengurangi masalah lambakan sampah ini dengan menggunakan konsep 'Refuse, Reduce, Reuse, Recycle, Rot' untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Sr Calista memetik petikan dari Kolose 1:16, "Segala sesuatu yang diciptakan oleh Dia dan untuk Dia" sebagai tema katekesisnya.

Religius itu berkongsi banyak informasi dari Ensiklik *Laudato Si*,

Ajaran Sosial Gereja dan Katekismus Gereja Katolik betapa pentingnya menjaga alam ciptaan Tuhan kerana setiap kekejaman terhadap makhluk ciptaan manusia (*Laudato Si*, 92; *KKG*, 2418).

Turut hadir dalam webinar ini adalah Fr Stephen Esguerra, Penasihat Rohani bagi Komisi Keadilan Ciptaan Tuhan dan Fr Simon Kontou, Penasihat Rohani bagi Komisi Migran dan Perantau serta Caritas Diosis Sandakan.

## CFL bersidang kali ke-10



SINGAPURA: Persidangan tahunan ke-10 Komisi Kehidupan Keluarga dari keuskupan-keuskupan Malaysia, Singapura, dan Brunei telah diadakan dari Jun 9-12, di Seminari St Francis Xavier.

Kira-kira 33 perwakilan hadir bersama presiden komisi itu, Uskup Agung John Wong.

Persidangan dimulakan dengan Misa pembukaan pada hari pertama.

Dalam homilinya, Uskup Agung John mengaitkan perayaan Tubuh dan Darah Kristus dan Hati Kudus yang disambut pada bulan Jun, bahawa kedua-dua perayaan itu meraikan cinta.

Prelatus itu menekankan bahawa Tuhan adalah kasih dan hati Tuhan adalah pengampunan, elemen kebajikan yang penting dalam setiap keluarga.

Uskup Agung John juga menekankan kepentingan perjalanan sinodal para perwakilan seraya menggalakkan mereka untuk mendengar Roh Kudus dan sesama.

Antara agenda yang dibincangkan dalam persidangan ini ialah:

### I. Penurunan dalam kadar kelahiran dan perkahwinan Katolik

Terdapat potensi penurunan dalam kadar kelahiran dan perkahwinan dalam kalangan penganut Katolik di Semenanjung Malaysia dan Singapura.

Pasangan muda yang berkahwin menanggung atau memilih tidak mempunyai anak kerana kos penjagaan anak dan sara hidup yang tinggi.

Oleh itu, paroki perlu menawarkan penjagaan pastoral untuk pasangan yang berkahwin selama satu hingga lima tahun, kerana tempoh ini merupakan tempoh amat mencabar bagi pasangan baru berkahwin.

### II. Pembentukan kumpulan sokongan

Terdapat keperluan penting bagi menubuhkan pelbagai kumpulan sokongan, seperti kumpulan sokongan untuk ibu bapa kanak-kanak berkeperluan khas dan individu yang bercerai atau ibu/bapa tunggal.

Kumpulan ini menyediakan penjagaan pastoral, persahabatan dan sokongan yang diperlukan.

### III. Kesedaran pengislaman

Isu pengislaman turut diberi perhatian, menekankan kepentingan mendidik warga Sabah dan Sarawak yang datang ke Semenanjung Malaysia untuk bekerja atau belajar. Adalah penting untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan anak-anak ini tentang cara bagaimana mereka mungkin akan didekati atau bagaimana menghadapi isu ini.

### IV. Kesihatan mental

Kesihatan mental, terutamanya dalam kalangan belia, semakin membimbangkan.

Ramai remaja mengalami tekanan yang tinggi, kesan pengaruh media sosial yang ketara.

Menyediakan pembentukan rohani sahaja tidak mencukupi apabila emosi mereka bergelora.

Penggunaan gajet secara berlebihan menyumbang kepada kemerosotan kesihatan mental. Ibu bapa dan pihak berkuasa sering bergelut untuk mengendalikan isu ini dengan berkesan

### V. Cabaran dan trend dalam persiapan perkahwinan Katolik

Terdapat peningkatan dalam perkahwinan antara agama dengan kira-kira 60 peratus daripada kes sedemikian di Singapura dan Malaysia, bilangannya dijangka meningkat.

Isu seperti kehadiran dua altar di rumah turut dibincangkan, dengan contoh di mana patung-patung dari kedua-dua agama diletakkan di atas satu altar. Ada juga pasangan yang memilih tidak membaptis anak tetapi mahu berkahwin di Gereja.

Fr Ambrose Vaz, Rohani Penasihat Keluarga Katolik *Life Limited*, menjelaskan pendirian Gereja melalui dokumen *Nostra Aetate* yang menekankan keperluan menyampaikan pesan penting kepada golongan muda Katolik yang berkahwin campur bahawa kepentingan Yesus yang tiada tandingannya.

CFL juga merancang untuk mengatur mesyuarat dengan Komisi Kateketikal bagi menyemak dokumen terbaharu Sri Paus Fransiskus yang mahu persiapan perkahwinan dijalankan seperti proses persiapan katekumen.